


**PENGARUH SEGMENT PERSEKITARAN
TERHADAP KECEMERLANGAN
AKADEMIK**


AMIR BIN KAMARUDIN




**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009






ABSTRAK


Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kesan dan hubungan pengaruh segmen persekitaran yang berkaitan dengan ciri-ciri penglibatan ibubapa, pengaruh rakan sebaya, peranan guru, pengurusan sekolah, keberkesanan tuisyen, tahap sosio ekonomi, keputusan peperiksaan dan harga diri terhadap kecemerlangan pencapaian akademik. Bagi mencapai hasrat ini, set-set soalan soal selidik telah dibentuk dan diedarkan bertujuan untuk mengutip data. Item-item yang digunakan dalam instrumen adalah berasaskan kepada Skala Likert bermata Lima. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 120 orang murid-murid sekolah rendah Tahun Lima dan Tahun Enam sebagai responden di enam buah sekolah yang terletak di Daerah Hilir Perak. Keputusan analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesemua segmen persekitaran terhadap kecemerlangan akademik. Ini dapat dilihat daripada hasil keputusan korelasi yang signifikan bagi setiap pembolehubah bebas dimana pengaruh rakan sebaya ($r = 0.191$), penglibatan ibubapa ($r = 0.349$), status ekonomi ibubapa ($r = 0.248$), peranan guru ($r = 0.366$), pengurusan sekolah ($r = 0.231$), keberkesanan tuisyen ($r = 0.345$), harga diri ($r = 0.389$) melainkan pembolehubah bebas keputusan peperiksaan di mana ($r = 0.168$). Justeru, dapat dirumuskan dalam kajian ini bahawa kesemua pembolehubah bebas menyumbang peningkatan sebanyak 24.9% ($R^2 = 0.249$) terhadap kecemerlangan pencapaian akademik. Untuk mendapatkan kualiti kajian yang lebih tinggi adalah dicadangkan agar bilangan sampel, bilangan sekolah dan bilangan daerah yang terlibat akan ditambah untuk kajian pada masa yang akan datang. Strategi kajian diperingkat kebangsaan juga adalah diperlukan untuk menilai dan mengakreditasikan pencapaian kecemerlangan pendidikan di Malaysia.






ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the effectiveness and relationships between environmental segments with reference to parental involvement, peer group influence, role of teachers, school management, and tuition effectiveness, socio economy status, examination results and self esteem towards excellent academic achievement. To achieve this objective, a set of questionnaire was designed and distributed to collect the data. Items used in the instrument were based on Five-point Likert Scale. The sample for this research comprised 120 pupils from Year Five and Year Six as respondents involving six schools located at Hilir Perak District. Results from the research indicated significant correlations between all environmental segments and excellence academic achievement. This was shown by the significant correlations which included independent variables such as peer group influences ($r = 0.191$), parental involvement ($r = 0.349$), socio economy status ($r = 0.248$), role of teachers ($r = 0.366$), school management ($r = 0.23$), tuition effectiveness ($r = 0.345$), self esteem ($r = 0.389$) except examination results ($r = 0.168$) showed insignificants correlations. It can be concluded that the combinations of all independences variable contributed 24.9% ($R^2 = 0.249$) to the excellent academic achievement. To gain more quality research it was suggested to increase the amount of samples, schools and districts involved during the further research. Strategic national research is needed to evaluate the excellence academic achievement in Malaysia.






KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	iv
ABSTRACT (ENGLISH)	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi


BAB 1 : PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.2 (a) Mengapa Kecemerlangan Pendidikan	7
1.2 (b) Segmen Persekitaran	10
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Hipotesis Kajian	21
1.8 Batasan Terhadap Kajian	22
1.9 Definasi Istilah-Istilah	24
1.10 Rumusan	27

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Sorota-Sorotan Literatur Yang Lalu	32
2.2.1 Kecemerlangan Akademik	32
2.2.2 Penglibatan Ibulbapa	35
2.2.3 Pengaruh Guru	38
2.2.4 Pengurusan Sekolah	41
2.2.5 Kelas Tuisyen	45
2.2.6 Harga Diri	47
2.2.7 Status Sosio Ekonomi	50








	05-4506832	pus	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	51
			2.2.8 Pengaruh Rakan Sebaya			54
			2.2.9 Keputusan Peperiksaan			55
2.3			Rangkakerja Kajian			57
2.4			Rumusan			57

BAB 3 : METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	58
3.2	Rekabentuk Kajian	59
3.3	Populasi dan Sampel	60
3.4	Instrumen	63
3.5	Kajian Rintis	65
3.6	Pengutipan Data	67
3.7	Analisis Data	69
3.8	Rumusan	70

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	71
4.2	Latar Belakang Responden	72
	4.2.1. Responden Berdasarkan Keturunan	72
	4.2.2. Responden Berdasarkan Jantina	73
	4.2.3. Responden Berdasarkan Umur	74
	4.2.4. Responden Mengikut Kedudukan Sekolah	74
	4.2.5. Bilangan Responden Yang Mempunyai Bilik Sendiri	75
	4.2.6. Responden Mengikut Bilangan Adik-Beradik	76
	4.2.7. Pendapatan Iubapa/Penjaga	77
	4.2.8. Taraf Pelajaran Iubapa/Penjaga	78
	4.2.9. Bilangan Kereta DiMiliki Iubapa/Penjaga	79
	4.2.10. Perbelanjaan Wang Saku Harian Responden	80
	4.2.11. Bilangan Bilik DiRumah Responden	81
4.3	Hasil Keputusan Skor Min Bagi Setiap Pembolehubah Bebas Dan Pembolehubah Bersandar	82
4.4	Hubungan Korelasi Setiap Pembolehubah Bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar	84
	4.4.1 Hubungan Di antara Keputusan Peperiksaan Dengan Kecemerlangan Akademik	84
	4.4.2 Hubungan Di antara Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Kecemerlangan Akademik	85
	4.4.3 Hubungan Di antara Penglibatan Iubapa Dengan Kecemerlangan Akademik	85
	4.4.4 Hubungan Di antara Status Ekonomi Iubapa Dengan Kecemerlangan Akademik	86
	4.4.5 Hubungan Di antara Penglibatan Guru Dengan Kecemerlangan Akademik	86

 05-4506832	 4.4.6 Hubungan Di antara Keberkesanan Sekolah Dengan Kecemerlangan Akademik	 Perustakaan Tuanku Bainun	 PustakaTBainun	 ptbupsi	87
	4.4.7 Hubungan Di antara Keberkesanan Tuisyen Dengan Kecemerlangan Akademik				87
	4.4.8 Hubungan Di antara Harga Diri Dengan Kecemerlangan Akademik				88
	4.5 Sumbangan Kesemua Pembolehubah Bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar				89
	4.6 Sumbangan Terhadap Kecemerlangan Akademik				90
	4.7 Rumusan				93


BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	94
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	95
5.3 Perbincangan	95
5.4 Implikasi Kajian	100
5.5 Kesimpulan	101
5.6 Cadangan	102

 RUJUKAN	 pustaka.upsi.edu.my	 Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	104
--	---	---	--	---	------------


LAMPIRAN


A	Borang Soal Selidik
B	Surat Kebenaran Dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia
C	Surat Kelulusan Dari Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak
D	Statistik
E	Surat Semakan Borang Soal Selidik



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
Jadual 1	Data Keputusan UPSR Daerah Hilir Perak	8
Jadual 2	Sekolah Rendah (Tahun 1 – 6)	9
Jadual 3	Nama Sekolah Yang Terlibat Dan Bilangan Murid Sebagai Responden	62
Jadual 4	Nilai Cronbach Alpha Kajian Rintis	66
Jadual 5	Keturunan Responden	73
Jadual 6	Jantina Responden	73
Jadual 7	Umur Responden	74
Jadual 8	Kedudukan Sekolah Responden	75
Jadual 9	Responden Mempunyai Bilik Untuk Mengulangkaji	75
Jadual 10	Responden Mengikut Bilangan Adik-Beradik	76
Jadual 11	Pendapatan Ibumama/Penjaga	77
Jadual 12	Taraf Pelajaran Ibumama/Penjaga	78
Jadual 13	Bilangan Kereta Yang Dimiliki Ibumama/Penjaga	79
Jadual 14	Perbelanjaan Wang Saku Harian Responden	80
Jadual 15	Bilangan Bilik Dirumah	81
Jadual 16	Keputusan Skor Min Bagi Setiap Pembolehubah Bebas Dan Pembolehubah Bersandar	83
Jadual 17	Korelasi Pembolehubah Bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar	88
Jadual 18	Regresi Berganda	89
Jadual 19	Nilai Koeffisien	90








SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat



Rajah 1	Carta Graf Keputusan UPSR Daerah Hilir Perak	14
Rajah 2	Rangkakerja Kajian	55





SENARAI SINGKATAN

1. **UPSR** : Ujian Penilaian Sekolah Rendah
2. **PMR** : Penilaian Menengah Rendah
3. **SPM** : Sijil Pelajaran Malaysia
4. **STPM** : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
7. **EPRD** : Education Planning and Research Department
8. **BPPDP** : Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
9. **PIPP** : Pelan Induk Pembangunan Pendidikan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kini pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran dalaman dan luaran akibat dari kesan globalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Globalisasi iaitu satu fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat (Kamus Dewan 2002) dan juga satu proses penghapusan halangan kegiatan ekonomi antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain (Utusan Malaysia 15/4/2001), adalah sesuatu yang sudah berlaku dan tidak dapat dihapuskan lagi. Implikasi daripada kepantasan arus globalisasi ialah berlakunya perubahan cara dan gaya hidup baru yang mungkin merupakan satu cabaran besar.



Tetapi, walau sebesar mana masalah dan perubahan yang berlaku sekalipun dalam aspek nilai dan gaya hidup, masyarakat masih meyakini bahawa pendidikan adalah merupakan penyelesaian yang paling berkesan. Pendidikan dipercayai akan dapat menjadikan sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara menjadi teguh dan digeruni oleh pihak lain (Ishak Sin, 2003).

Maehr (1996) pernah menyebut bahawa apabila masyarakat menghadapi krisis dan pertembungan budaya dan ekonomi, sekolah adalah dianggap sebagai sumber inspirasi dan harapan. Dalam menangani era globalisasi, pengurusan pendidikan menjadi semakin mencabar, pengurusannya memerlukan pelbagai matlamat, halatuju yang jelas, orientasi dan operasi yang mantap bagi memenuhi keperluan pelanggan yang berbagai-bagai. Dunia telah membuktikan bahawa jatuh bangunnya sesebuah negara adalah bergantung kepada watak bangsa yang bertunjangkan ilmu pengetahuan.

Di sinilah pendidikan memainkan peranan sebagai penentu warasa bangsa. Era ledakan maklumat dan kecanggihan teknologi menuntut pengurusan pendidikan menganjak stail pengurusannya. Ketaksuban terhadap tradisi bukan sahaja tidak menguntungkan, malah akan melahirkan pelbagai masalah. Pendidikan yang berperanan untuk mengisi keperluan harian, sebenarnya adalah menjadi penentu masa hadapan negara.

Sehubungan dengan itu, pengurusan pendidikan perlu dimanfaatkan secara maksimum untuk melahirkan individu yang berkualiti, berketrampilan dan



merealisasikan hasrat negara ke arah membentuk negara cemerlang, gemilang dan terbilang. Tanpa tindakan yang berani, kecemerlangan yang diharapkan hanya akan menjadi angan-angan sahaja.

Cita-cita tanpa usaha adalah sia-sia, usaha tanpa cita-cita ibarat berjalan didalam gelap gelita, tetapi cita-cita yang disertai dengan usaha akan menjadi nyata. Kesedaran inilah yang menjadi penggerak untuk mencapai matlamat ke arah kecemerlangan pendidikan. Perlu juga ditegaskan bahawa kecemerlangan pendidikan terletak pada kecacatan sifar dalam pengurusan dan pentadbiran.

1.2 Latar Belakang Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sistem pendidikan kita harus dapat menyediakan generasi akan datang bagi memenuhi wawasan 2020 berpandukan Falsafah Pendidikan Negara. Sistem pendidikan kita harus mempunyai daya saing dalam menghadapi arus globalisasi dan era abad ke 21. Kita perlu memikir kembali identiti dan fungsi sekolah dan memberikannya identiti baru sebagai sebuah organisasi yang dinamik selaras dengan perkembangan dalam dunia pendidikan yang penuh mencabar.

Pemikiran baru dalam pendidikan, perkembangan teknologi dan ledakan maklumat memaksa kita melihat dan mengubah proses pengajaran dan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, peranan guru, peranan murid dan cara menguruskan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kurikulum yang sesuai dengan era semasa. Perancangan kurikulum mestilah bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat dan profil warganegara Malaysia yang cemerlang serta bertamadun.

Usaha membangunkan generasi baru yang berilmu dan komuniti berilmu adalah antara strategi pembangunan yang menjadi keutamaan bagi negara-negara yang ingin menguasai abad ke 21. Sebahagian besar pemikir dan penulis futuristik bersetuju bahawa negara yang bercita-cita tinggi dan mahu memimpin abad ke-21 mestilah merupakan masyarakat bermaklumat, masyarakat berpengetahuan, masyarakat saintifik dan berbudaya sains serta tinggi budaya ilmu (Perancangan Strategik 2005-2010).

Toffler (1980); Stonier (1983); Naisbit (1983); Higgins (1998); Valida (2000) dan Anderson (2000) merumuskan bahawa komuniti berilmu akan menguasai abad ke-21 kerana kecemerlangan pengetahuan, kekayaan maklumat dan berbudaya saintifik. Sehubungan dengan hal ini, kita juga perlu memberikan perhatian terhadap aspek perkembangan emosi, keluhuran rohani, kekuatan mental, keutuhan keimanan dan ketaqwaan, kemantapan budaya dan moral, kemampuan jati diri dan semangat patriotik yang kental. Disamping itu harapan ini selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Gagasan Wawasan 2020 dan cita-cita murni Islam Hadhari.

Berteraskan kepada Misi Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia, dapatlah ditafsirkan

bahawa pendidikan merupakan satu bidang penting yang sentiasa perlu kepada perubahan dan pemantauan bagi menjamin aspirasi negara dapat dicapai pada masa hadapan. Penyediaan pendidikan yang meluas dan berkualiti adalah satu tanggungjawab yang besar dan memerlukan penambahbaikan berterusan.

Peranan Kementerian Pelajaran dalam merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju mengikut acuan kita sendiri adalah satu tanggungjawab dan penghormatan yang besar terhadap institusi sekolah. Sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia memainkan peranan sebagai suatu agensi yang besar dalam mengedarkan maklumat, pengetahuan, tradisi, nilai-nilai kemasyarakatan selari dengan kehendak bertunjangkan gagasan Wawasan 2020.



Walaupun semua sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia mengadaptasikan sukatan pelajaran dan kurikulum yang sama tetapi ianya berbeza dari segi historikal, geographikal dan persekitaran sosialnya. Mereka melaksanakan fungsi dengan perwatakan yang spesifik dan melayan pelanggan dengan kepelbagaian gender, agama, bangsa, bakat, tahap sosial dan budaya.

Sungguhpun sekolah memainkan peranan untuk melaksanakan dasar Falsafah Pendidikan Negara tetapi mereka terdedah kepada perbezaan keupayaan kuasa mengawal, koordinasi, sokongan dan pengaruh daripada kerajaan negeri, organisasi persekitaran dan masyarakat setempat (Asmah Ahmad, 2003). Walau pun pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan oleh pihak sekolah tetapi secara amnya pencapaian



keputusan peperiksaan awam yang cemerlang akan menjadi keutamaan di kalangan masyarakat.


Bagi pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia pembangunan holistik pelajar-pelajar menjadi keutamaan, tetapi setiap tahun apabila keputusan peperiksaan awam diumumkan, pihak Jabatan Pelajaran Negeri pada amnya akan mengkategorikan sekolah yang efektif dan kurang efektif berdasarkan kepada peratus lulus keputusan peperiksaan awam iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Sekolah yang pencapaiannya kurang baik diklasifikasikan sebagai “sekolah kurang efektif”. Dengan kata yang mudah dapatlah dikatakan bahawa bagi sekolah-sekolah rendah, yang mendapat keputusan UPSR dengan peratus lulus yang tinggi dan beberapa calon yang mendapat semua A adalah ramai dikategorikan sebagai sekolah yang efektif (Asmah Ahmad, 2003).

Sungguhpun pencapaian akademik merangkumi hasil keputusan kurikulum dan pencapaian ko-kurikulum, pengkaji percaya bahawa pencapaian keputusan peperiksaan yang baik merupakan satu unsur kecemerlangan akademik yang menjadi keutamaan dan lebih diharapkan oleh semua pihak samada ibubapa, guru-guru, sekolah, masyarakat dan juga pihak Jabatan Pelajaran. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kecemerlangan kurikulum adalah sinonim dengan kecemerlangan akademik.

Sebagai negara kuasa besar di bumi ini, kita mesti memahami bahawa kecemerlangan akademik adalah kritikal dengan kejayaan sedia ada. Ianya adalah kuasa inovasi dan peningkatan saintifik yang akan membenarkan Amerika bertahan dengan posisinya sebagai negara nombor satu didunia. Mempunyai pelakon terkenal di dunia, tahap industri muzik dan hiburan terkemuka serta kecemerlangan cabang lain tidak akan mengekalkan kedudukan Amerika sebagai nombor satu di dunia. Kita memerlukan kadet-kadet yang boleh menyelesaikan persamaan kuadratik dan menghasilkan inovasi baru (Armstrong, 2006).

Standard pendidikan yang sentiasa dirombak secara berterusan dan menjana peningkatan manakala persaingan untuk mendapat kecemerlangan dalam pendidikan adalah semakin mendalam (Hu & Hossler, 2000; Mc Pherson & Shapiro, 1998). Pada satu sudut terdapat bukti bahawa semakin besar skop dan kemahuan peribadi untuk berubah maka semakin besar peluang untuk berjaya dan meningkat (Crandall, 1986).


Berdasarkan daripada data Jadual 1, dapatlah difahami bahawa bilangan peratus lulus adalah terbesar manakala bilangan peratus yang mendapat keputusan yang cemerlang adalah terkecil. Pencapaian keputusan ini telah menjadi norma berdasarkan carta graf yang menunjukkan rangka graf adalah sama sepanjang tiga tahun berturut-turut. Di sini perubahan menuju kearah kecemerlangan memerlukan perhatian.



Data Keputusan UPSR Daerah Hilir Perak


	Tahun 2007	Tahun 2006	Tahun 2005
Bilangan Lulus	2263	2269	2353
Peratus Lulus	56.54%	56.41%	57.0%
Bilangan Gagal	1519	1555	1614
Peratus Gagal	34.93%	35.54%	35.40%
Bilangan 5A	371	352	344
Peratus 5A	8.53%	8.05%	7.60%

Sumber : Jabatan Pelajaran Daerah,
Daerah Hilir Perak



Suatu ketika dahulu masyarakat belajar dengan mengambil iktibar daripada kegagalan yang lalu, tetapi masyarakat masa kini harus mengambil tauladan daripada rangkuman kegagalan dan kejayaan untuk mendapat kecemerlangan. Hall dan Lindzey (Abdul Hamid, 1999) menyatakan bahawa ahli psikologi bersependapat bahawa setiap individu boleh dan berpotensi untuk maju dalam segala aspek kehidupan mereka sekiranya mereka dibimbing dengan sempurna.

Sekolah sebagai institusi penyebaran ilmu pengetahuan, yang membentuk generasi akan datang, sangat perlu memainkan peranan bagi memastikan generasi muda yang terhasil daripada sistem pendidikan hari ini mampu meneruskan kesinambungannya pada masa akan datang (Ishak Sin, 2003). Kajian ini memfokuskan tentang



kecemerlangan pencapaian akademik murid-murid khususnya di sekolah rendah. Jadual 2 menunjukkan kedudukan markah, gred dan takrif keputusan murid sekolah rendah.

Jadual 2
Sekolah Rendah (Tahun 1 – 6)

Markah	Gred	Takrif
81 – 100	A	Cemerlang
61 – 80	B	Potensi Cemerlang
41 – 60	C	Lulus
21 – 40	D	Potensi Lulus
0 – 20	E	Kritikal

*Sumber : Panduan Piawaian Kualiti,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak*



Ciri-ciri pelajar cemerlang adalah memahami bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran asas, mendapat markah 80% ke atas di dalam peperiksaan tetapi juga berupaya berfikir secara kritis, kreatif, membuat analisis serta membuat inferensi. Ini dapat ditentukan dengan menggunakan kaedah statistik serta pemerhatian tingkahlaku dan keutuhan sikap daripada guru-guru yang mengajar pelajar-pelajar tersebut.

1.2 (b) Segmen Persekitaran




Persekitaran adalah merangkumi cara hidup dan penglibatan sekeliling seseorang yang melibatkan hobi, minat, cara pemakanan, tabiat harian, budaya, pengaruh iklim, kepadatan penduduk atau demografi, kemudahan-kemudahan persekitaran, adat istiadat, loghat kedaerahan, pengaruh-pengaruh kaum, cara berpakaian dan berbagai-bagai unsur yang lain.

Di sini pengkaji hanya menumpukan dan fokus mengenai kesan kecemerlangan pencapaian akademik terhadap pengaruh persekitaran yang membabitkan ciri-ciri penglibatan keibubapaan, pengaruh-pengaruh rakan sebaya, pengurusan sekolah, peranan guru, keberkesanan kelas tuisyen, harga diri, keputusan peperiksaan dan status ekonomi sahaja yang akan diperhalusi.








Kefahaman mengenai pengaruh-pengaruh, kekuatan hubungan di dalam ciri-ciri tersebut, momentum, impak atau kesan-kesan, arah-arah magnitude, hubungkait serta ikatan yang tinggi atau rendah korelasi dan regresi bagi setiap ciri persekitaran akan dikenalpasti. Dapatan daripada kajian ini mengenai segala kelemahan dalam segmen persekitaran akan dipertingkatkan manakala segala kekuatan akan terus digilap bagi memastikan serta menjana murid-murid akan sentiasa dalam keadaan kecemerlangan pencapaian akademik mereka.



Kajian ini adalah berlandaskan daripada Teori Ekologikal iaitu pembangunan kemanusiaan (Bronfenbrenner, 1979) yang membentuk model struktur sosial adalah saling berkaitan seperti diri sendiri, keluarga, rakan-rakan, rumah, sekolah dan proses yang mempengaruhi tingkahlaku individu. Beliau menegaskan anak-anak membangun dalam berbagai multitude konteks sosial.

Menurut teori ekologi juga (Becker & Luthar, 2002; Bronfenbrenner, 1977; Eamon, 2001), persekitaran individu mengandungi beberapa penempatan dan rangkuman level yang berinteraksi dalam mempengaruhi pembangunan kemanusiaan individu. Level-levelnya adalah “Microsistem” (persekitaran sedia ada seperti rumah dimana individu berinteraksi), “Mesosistem” (merujuk kepada struktur sosial, atau interaksi pembentukan pembangunan yang memberi kesan kepada individu), “Exosistem” (melibatkan sekolah, jiran, kerajaan), “Makrosistem (termasuk persekitaran sosial dan norma institusi dan perundangan, nilai kebudayaan, kepercayaan dan ideology).

Kajian ini dirujuk sebagai kajian tulen dan tujuan utama kajian ini adalah menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dalam berbagai bidang atau subjek (Sekaran; 1996). Kajian asas ini diharapkan dapat melengkapkan pengetahuan terhadap teori yang sedia ada atau untuk pembelajaran yang lebih mendalam tentang sesuatu konsep atau fenomena (Mc Daniel & Gates, 1999)

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Pengkaji berpendapat telah tiba masanya kajian berfokus terhadap setiap individu yang sederhana dan berpotensi untuk cemerlang dalam akademik perlu dilakukan. Setiap individu ini akan diakses, ditembusi, dijelajahi, diterokai dan difahami dalam dimensi khusus terhadap segmen-segmen persekitaran sosial seperti yang disebutkan diatas. Pendekatan ini lebih dikenali sebagai “individual-oriented education”. Ini adalah berasaskan bahawa setiap individu adalah berbeza tidak ada dua insan yang serupa. Seperti kata pepatah Inggeris, “Men are born equal but they are also born different” (Najib Tun Razak, 1998).

Oleh itu, sistem pendidikan mestilah memandang hadapan dan sentiasa fleksibel dalam menghadapi kepelbagaian individu dimana intelektualnya adalah berbeza.


Lourdursamy (1994) menjelaskan gaya kognitif sebagai satu konsep unidimensi bipolar yang setiap polanya mempunyai nilai positif dalam keadaan tertentu. Manakala gaya belajar merupakan satu konsep multidimensi yang kompleks, terhasil akibat saling tindakan antara beberapa pembolehubah iaitu persekitaran, emosi, sosial, fizikal dan psikologi. Malah, konteks persekitaran sosial dimana anak-anak beroperasi berperanan mempengaruhi keupayaan dan penyelarasan anak-anak terhadap kehendak sekolah dan belajar menjadi pelajar yang berjaya (Wentzel, 1999).

1.3 Pernyataan Masalah

Aktiviti kehidupan, persekitaran dan kandungan dalam kehidupan masa kini menghasilkan berbagai kemungkinan, kepelbagaian, keselesaan, cabaran, kemudahan, rintangan dan peluang-peluang yang mungkin di luar jangkaan. Dalam aspek pendidikan, setiap ibubapa pasti mengharap dan menjangkakan anak-anak mereka akan memperolehi kedudukan pencapaian akademik yang tinggi. Sekurang-kurangnya selari dengan pencapaian akademik rakan-rakan sedarjah atau rakan yang sebaya umurnya dengan anak-anak mereka. Yang menghampakan adalah perkara ini tidak berlaku dan pencapaian akademik mereka adalah berbeza sungguhpun anak-anak mereka belajar di kelas yang sama, guru yang mengajar adalah sama, kurikulumnya adalah sama dan di bawah bumbung sekolah serta persekitaran kebudayaan yang sama.

Keperluan untuk meningkatkan peratus atau bilangan murid-murid yang cemerlang merupakan keutamaan dalam milenium alaf baru yang serba canggih. Pendidik harus mengubah 'mind set' agar tidak hanya menumpu kepada mengenal pasti kegagalan, mengenal pasti punca berlakunya kegagalan, cara mengatasi kegagalan serta bagaimana hendak mengelakkannya daripada berlaku. Pengkaji berpendapat bahawa 'mind set' pendidik masa kini haruslah berfokus kepada mengenalpasti kecemerlangan. Apakah punca atau sumber-sumber untuk menjana kecemerlangan? Bagaimana untuk menyuburkan benih-benih kecemerlangan? Apakah tindakan dan bagaimana caranya untuk mencapai dan memastikan dengan tegas supaya kecemerlangan mesti dicapai?

Carta graf dari Rajah 1 dengan jelas menunjukkan peratus kecemerlangan yang rendah telah menjadi norma. Dalam mencapai hasrat kerajaan ke arah membentuk negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang hasil keputusan ini haruslah dirombak supaya peratus cemerlang adalah yang terbesar. Pengkaji berpendapat kita perlu “reframe” semula hasil bukan sahaja kerangka pencapaian keputusan tetapi juga kognitif dan tingkahlaku pendidik, ibubapa, pengurusan sekolah dan murid supaya peratus cemerlang yang tinggi menjadi keutamaan.



Rajah 1

Tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian kecemerlangan akademik pada tahap sekolah rendah adalah sangat penting dan mempunyai signifikasi yang besar kerana pendidikan sekolah rendah merupakan asas. Ia adalah langkah permulaan sebelum murid-murid akan mengharungi ke peringkat pendidikan sekolah menengah atau seterusnya ke

peringkat pengajian tinggi. Pencapaian akademik diperingkat pendidikan sekolah rendah merupakan indikator dan berfungsi untuk membayangkan jangkauan pencapaian akademik pada peringkat yang lebih tinggi.

Ini disokong oleh Wylie (1979) yang menegaskan bahawa terdapat bukti empirikal bahawa konsep-diri menggambarkan dan mempengaruhi pencapaian di sekolah daripada peringkat rendah hinggalah ke peringkat ijazah. Beberapa pengkaji telah mengesahkan bahawa penghasilan pencapaian akademik adalah besar dipengaruhi oleh elemen persekitaran (Battistich, 1995; Brooks-Gunn, Klebanov, & Duncan, 1996; Steinberg, Dornbusch, and Brown, 1992). Menurut Borich dan Tombari (1997) tahap kecerdasan sebenarnya hanya menyumbang 25% kepada pencapaian akademik, sebaliknya lebih 70% adalah dipengaruhi oleh kompetensi sosial seperti motivasi, kesihatan, kawalan sosial, kualiti pengajaran, emosi yang baik dan sokongan keluarga. Hal ini bermakna kompetensi sosial seperti komunikasi, motivasi, efikasi diri, turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Nota-nota tentang keupayaan pembelajaran bagi murid perlulah dikaji semula, disemak dan difahami dengan sepenuhnya. Daripada dapatan dan kefahaman tentang keupayaan pembelajaran murid dan sifat semulajadi “multiple intelligence” mereka, akan membolehkan lebih ramai murid walau pun berbeza latar belakang untuk dibangunkan sepenuhnya potensi pembelajaran terutamanya dalam pencapaian akademik. Daripada polisi dan intervensi perspektif, teori ekologi mencadangkan bahawa pengubahsuaian